



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN (SUPERSCALE C)
PEJABAT UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN
PEJABAT UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
SUPERSCALE C (\$6,800 SEBULAN)
KEKOSONGAN= SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Dasar / Pengurusan / Pentadbiran / Undang-Undang atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan atau dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus "Program Pembangunan Eksekutif" di institusi-institusi tempatan ataupun luar negara atau kursus yang sebanding.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab mengawasi tugas-tugas dan tanggungjawab semua pegawai di bawah jagaan Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan;
2. Bertanggungjawab dalam mengadakan hala tuju / kerja dalam perkembangan Jabatan-Jabatan di bawah kawalan;
3. Bertanggungjawab dalam memastikan pengurusan dan pembahagian kerja pegawai-pegawai di bawah kawalannya adalah teratur dan bersistematik;



4. Menasihati Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai perkara undang-undang;
5. Menjadi Setiausaha / Ketua Urus Setia kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap / Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan, Penguatkuasaan dan Undang-Undang), Jabatan Perdana Menteri;
6. Bertanggungjawab terhadap hal ehwal undang-undang di peringkat antarabangsa, serantau dan dua hala seperti *ASEAN* dan Pesatuan Bangsa-Bangsa Bersatu;
7. Menjadi pakar rujuk kepada Setiausaha Tetap / Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan, Penguatkuasaan dan Undang-Undang), Jabatan Perdana Menteri mengenai dengan jenayah merentas sempadan; dan
8. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan, Penguatkuasaan dan Undang-Undang) dan Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan, Penguatkuasaan dan Undang-Undang).